

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN JUGAH ANAK MUYANG @  
TAMBAT (LUBOK ANTU)**

**TARIKH JAWAB : 8 DISEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT (LUBOK ANTU) minta  
MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan  
status pelaksanaan projek Balai Bomba Engkilili yang telah diluluskan di  
dalam RMK-11, adakah pelaksanaan projek akan dijalankan dalam  
tempoh RMK-12 ini.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sentiasa berusaha untuk memastikan khidmat kebombaan terus diperkasa dan diperluas kepada seluruh rakyat terutamanya melibatkan kawasan-kawasan di luar capaian *response time*.

JBPM telah memiliki sebidang tanah seluas 1.33 ekar di kawasan Engkilili bagi tujuan pembinaan balai bomba kategori E. Projek Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Engkilili masih dalam perancangan JBPM dan kementerian bercadang untuk memasukkan projek ini di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) mengikut keutamaan. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya bergantung kepada kelulusan agensi pusat serta keupayaan peruntukan kewangan semasa.

Pada masa kini, kawasan Engkilili mendapat perlindungan kebakaran daripada Pasukan Bomba Sukarela (PBS) Engkilili dengan keanggotaan seramai 32 orang ahli dan dilengkapi dengan pam angkut, peralatan asas pemadam dan peralatan perlindungan diri (PPE) yang disediakan oleh JBPM Negeri Sarawak.

Bagi mempertingkatkan aspek keselamatan kebakaran di kawasan Engkilili, Kementerian melalui JBPM telah dan akan melaksanakan beberapa program seperti berikut:

- (i) pengwujudan **Program Community Emergency Response Team (CERT)** melalui inisiatif Kerajaan Negeri Sarawak yang bertujuan untuk melatih masyarakat tempatan di suatu lokaliti sebagai **pasukan bertindak awal (first responder)**;

**SOALAN NO : 15**

- (ii) memperluaskan penubuhan **Bomba Komuniti** di mana kefahaman tentang pencegahan kebakaran, latihan kebombaan dan penyediaan peralatan asas kawalan awal kebakaran seperti alat pemadam api disedia dan dibekalkan;
- (iii) mempertingkatkan kempen kesedaran keselamatan kebakaran termasuk **Program 1 Rumah Satu Alat Pemadam Api (1RAPI)**, **Program Sedia Urus Isi Rumah (SURI)** dan **penyediaan alat pengesan asap serta gas (MyAlert)** yang mana **6 program** telah dilaksanakan sejak tahun 2019 sehingga 2020; dan
- (iv) mempergiatkan **program latihan dan pencegahan** di kawasan-kawasan luar bandar/ pedalaman (*Outreach and Summer Camp*).

Sekian, terima kasih